

Prinsip-Prinsip Asas bagi Rundingan-Rundingan ke arah Menghadkan Lebih Lanjut Senjata-Senjata Penyerang Strateji

Setiausaha Agung Jawatankuasa Pusat SPSU,
L. I. BREZHNEV dan Presiden Amerika Syarikat,
RICHARD NIXON.

Selepas secara mendalam menimbangkan soal menghadkan lebih lanjut senjata-senjata strateji, dan kemajuan yang telahpun dicapai dalam rundingan-rundingan sekarang.

Menegaskan kepercayaan mereka bahawa penerimaan yang paling awal sekatan-sekatan lebih lanjut senjata-senjata strateji akan menjadi satu sumbangan besar dalam mengurangkan bahaya meletusnya perang nuklear dan dalam meneguhkan keamanan dan keselamatan antarabangsa.

Telah bersetuju seperti berikut :

Pertama : Kedua pihak akan terus mengadakan rundingan-rundingan bersungguh supaya dapat mengusahakan satu perjanjian kekal terhadap langkah-langkah lanjut bagi menghadkan senjata-senjata penyerang strateji, dan juga berikutan dengan ini mengurangkannya, bertolak dari Prinsip-prinsip Asas Hubungan Antara Republik-Republik Kesatuan Sosialis Soviet dan Amerika Syarikat yang ditandatangani di Moscow pada 29 Mei, 1972, dan Perjanjian Sementara Antara Republik-Republik Kesatuan Sosialis Soviet dan Amerika

Syarikat pada 26 Mei, 1972 mengenai Setengah-Setengah Langkah Berhubung Dengan Menghadkan Senjata-Senjata Penyerang Strateji.

Dalam masa setahun yang akan datang kedua pihak akan membuat usaha-usaha bersungguh-sungguh bagi merangka peruntukan-peruntukan bagi perjanjian yang kekal terhadap langkah-langkah lanjut yang lengkap bagi menghadkan senjata-senjata penyerang strateji dan tujuan untuk menandatangani dalam tahun 1974.

Kedua : Perjanjian-perjanjian baharu terhadap menghadkan senjata akan diasaskan kepada prinsip-prinsip dokumen-dokumen yang diterima dalam bulan Mei 1972 dan perjanjian-perjanjian yang dicapai di Washington dalam bulan Jun 1973; dan terutama sekali kedua pihak akan dipandu oleh pengiktirafan terhadap kepentingan-kepentingan keselamatan masing-masing yang sama dan pengiktirafan bahawa usaha-usaha bagi mendapatkan faedah semua hala, secara langsung atau sebaliknya akan tidak sejajar dengan peneгуan hubungan secara aman antara Republik-Republik Kesatuan Sosialis Soviet dan Amerika Syarikat.

Ketiga : Sekatan-sekatan yang dikenakan ke atas senjata-senjata penyerang strateji boleh meliputi aspek-aspek jumlahnya dan juga usaha memperbaiki mutunya.

Keempat : Sekatan-sekatan terhadap senjata-senjata penyerang strateji mesti dikenakan pengesahan yang sesuai oleh cara-cara teknik kebangsaan.

Kelima : Usaha memodenkan dan mengganti senjata-senjata penyerang strateji akan dibenarkan mengikut syarat-syarat yang akan dirangka dalam perjanjian-perjanjian yang akan dipersetujui.

Keenam : Sementara menunggu siapnya satu perjanjian kekal mengenai langkah-langkah lanjut yang lanjut bagi menyekat senjata-senjata penyerang strateji, kedua pihak bersedia mencapai persetujuan mengenai langkah-langkah berasingan bagi membantu Perjanjian Sementara yang ada dibuat pada 26 Mei, 1972.

Ketujuh : Setiap pihak akan terus mengambil langkah-langkah pertubuhan dan teknik bagi menyekat penggunaan yang tidak sengaja atau yang tidak mendapat kebenaran senjata-senjata nuklear yang dikuasai oleh masing-masing se-

jajar dengan Perjanjian pada 30 September, 1971, dicapai antara Kesatuan Republik Sosialis Soviet dan Amerika Syarikat.

Washington, 21 Jun, 1973.

**Bagi Pihak
Kesatuan Republik
Sosialis Soviet
L. I. BREZHNEV
Setiausaha Agung
Jawatankuasa Pusat CPSU.**

**Bagi Pihak
Amerika Syarikat
RICHARD M. NIXON
Presiden Amerika Syarikat.**